





[STUDENT](#)

## 45 pelajar program UMP-BJTU tajaan JPA berlepas ke China

14 February 2023

**Disediakan oleh: Mimi Rabita Abdul Wahit, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri**

SEPANG, 13 Februari 2023 - Seramai 45 pelajar Program Ijazah Dual Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Beijing Jiaotong University (BJTU) China yang bakal menyambung pengajian di BJTU berlepas ke China baru-baru ini bagi menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda selama dua tahun di sana.

Para pelajar bidang Kejuruteraan yang bakal menyumbang pengajian dalam pembangunan industri rel negara ini merupakan pelajar perintis bagi program kerjasama ijazah dual yang akan melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka di Beijing setelah mengikuti pengajian selama dua setengah tahun di UMP.

Sesi pengajian Semester 1 di China akan bermula pada bulan Februari pada setiap tahun.

Daripada 45 orang pelajar itu, seramai sepuluh orang pelajar akan mengikuti jurusan Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik, 20 pelajar dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dan 15 pelajar lagi dalam jurusan Kejuruteraan Awam di BJTU.



Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia pada masa ini memerlukan lebih banyak tenaga pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi.

"Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) juga dilihat akan memberi lonjakan terhadap sistem pendidikan negara.

"UMP juga turut menghargai sokongan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Duta Besar China di Malaysia yang telah menyumbang sebanyak RMB100,000 atau RM65,000 kepada pelajar UMP hasil kerjasama dengan universiti dari China.

"Selain itu, UMP turut terbabit bekerjasama lain dengan universiti di China termasuk program ijazah dual dengan Universiti Tianjin (TJU) serta program kerjasama dengan Universiti Ningxia (NXU)," ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim Mohamed yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) turut hadir untuk bertemu dengan pelajar dan keluarga.

Beliau juga menyampaikan pesanan buat pelajar melalui taklimat yang dilaksanakan sebelum berlepas.

"Ambil peluang ini untuk belajar dan selami cara pemikiran masyarakat di sana sehingga mereka menjadi sebuah negara yang gah dalam bidang teknologi," katanya.

Beliau juga mengucapkan selamat maju jaya dan mengharapkan agar para pelajar terus cemerlang dalam pelajaran masing-masing.



Hadir sama Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Profesor Dr. Mahadzir [Ishak@Muhammad](mailto:Ishak@Muhammad), Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Eelektronik (FTKEE), Profesor Madya Dr. Hamdan Daniyal, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Ir. Dr. Fadzil Mat Yahaya dan Pengarah Pusat Kerjasama Strategik Akademik , Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Mat Rejab.



Selain China, program ijazah dual UMP hasil kerjasama dengan universiti di Jerman sejak 12 tahun lalu bersama Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) dalam bidang Kejuruteraan Mekanik,

Automotif dan Elektrikal telah melahirkan ramai graduan yang kompeten yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Ini termasuklah Program Kejuruteraan Perniagaan akan bersama dengan rakan baharu dari Mannheim University of Applied Sciences (HMA).

TAGS / KEYWORDS

[BJTU China](#)